



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 22 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MALAYSIA GESA APEC BANTU MASALAH KELAPARAN, KEBULURAN DI GAZA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MALAYSIA GESA APEC BANTU ATASI KELAPARAN, KEBULURAN PENDUDUK PALESTIN, THE SUN -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	DUA BOT NELAYAN DITAHAN LANGGAR SYARAT SAH LESEN, LOKAL, HM -19 MUDAH KENAL PASTI VESEL TEMPATAN, LOKAL, HM -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	LEBIH 2,000kg KOBIS PANJANG DARI SINGAPURA DICEMARI KUMBANG PHYLLOTRETA SPP, ASTRO AWANI -ONLINE LEBIH 2 TAN KOBIS PANJANG DARI SINGAPURA DICEMARI KUMBANG PEROSAK, BH -ONLINE MAQIS TAHAN KOBIS MENGANDUNGI SERANGGA PEROSAK DARI SINGAPURA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE BEETLE-INFESTED CABBAGE SENT BACK TO SINGAPORE, NST -ONLINE LORRY WITH PEST-INFESTED VEGETABLES TOLD TO TURN BACK TO SINGAPORE, THE STAR -ONLINE LORRY WITH PEST-INFESTED VEGETABLES TOLD TO TURN BACK TO SINGAPORE FROM JOHOR, STRAITS TIMES.COM -ONLINE LORRY TRANSPORTING FLEA BEETLE-INFESTED LONG CABBAGES INTO JOHOR TOLD TO TURN BACK TO SG, THE SUN -ONLINE LORI SINGAPURA BAWA SAYUR ROSAK DIARAH BERPATAH BALIK, ISKANDAR PUTERI, SH -24 MAQIS RAMPAS PRODUK SEJUK BEKU DARI KOREA SELATAN, PELABUHAN KLANG, SH -24 GAGAL SELUDUP SOSEJ, HAM DARI KOREA, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
15. 16.	SEWA RM400, TUAI HASIL RM10,000, NEGARA, KOSMO -18 SEWA TANAH PENUHI IMPIAN JADI PETANI, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Malaysia gesa APEC bantu masalah kelaparan, kebuluran di Gaza



Seramai 41 rakyat Palestin yang cedera akibat konflik di Gaza diterbangkan dari Mesir pada khamis dengan menggunakan dua pesawat Airbus A-400M milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan selamat tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang, Selangor. Foto AIZAT ZAINAL, 16 OGOS 2024

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Mohamad Sabu menggunakan pentas The Ninth Asia Pacific Economic Cooperation Food Security Ministerial Meeting (The 9th FSMM) bagi menyuarakan gesaan supaya Ekonomi Asia-Pasifik (Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) membantu penduduk di Palestin mengatasi masalah kelaparan dan kebuluran.

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Menterinya memaklumkan inisiatif Malaysia membawa 127 rakyat Palestin ke Malaysia baru-baru ini untuk menjalani rawatan kesihatan adalah atas dasar kemanusiaan.

“Dalam ruang yang sama, YB Menteri telah mengambil kesempatan untuk mengetengahkan isu krisis kemanusiaan dan keterjaminan makanan yang sedang berlaku di Gaza,” katanya.

Terdahulu, kementerian itu berkata, Mohamad Sabu mengetuai delegasi Malaysia menghadiri The 9th FSMM yang berlangsung di Trujillo, Peru pada 18 Ogos 2024.

Menurutnya, beliau merupakan antara 18 wakil APEC merumus dan mempersetujui dokumen *Trujillo Principles For Preventing and Reducing Food Loss and Waste* (Trujillo Principles) dan juga Deklarasi Menteri Pertanian Ekonomi APEC Trujillo berhubung Keterjaminan Makanan.

Tambahnya, Mohamad Sabu turut berkongsi mengenai usaha negara ke arah menangani isu FLW di dalam negara selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 Ketika mesyuarat berlangsung.

“Agenda utama bagi The 9th FSMM kali ini meliputi pengukuhan komitmen ekonomi APEC dalam memartabatkan dan meneruskan usaha ke arah kestabilan dan keterjaminan makanan di rantau Asia Pasifik,” tambahnya.

Dokumen Trujillo Principles merupakan pelengkap kepada dokumen Food Security Roadmap Towards 2030 yang dibangunkan pada 2021 semasa The 6th FSMM.

Jelasnya, dokumen berkenaan memberi panduan kepada 21 ekonomi APEC mengenai menyokong pembangunan mampan sistem makanan dan komitmen memulihara alam

sekitar bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals – SDG). – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	THE SUN	ONLINE	

Malaysia gesa APEC bantu atasi kelaparan, kebuluran penduduk Palestin



[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu - fotoBERNAMA](#)

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menggesa Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) untuk mengambil tindakan segera bagi membantu mengatasi masalah kelaparan dan kebuluran yang melanda Palestin ketika ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan malam ini memaklumkan gesaan Mohamad itu dibuat susulan krisis kemanusiaan dan keterjaminan makanan, terutama yang menjejaskan golongan kanak-kanak di Gaza

“Beliau turut memaklumkan inisiatif terkini yang telah diambil Malaysia dengan membawa 127 rakyat Palestin ke Malaysia untuk menjalani rawatan kesihatan atas dasar kemanusiaan,” menurut kenyataan itu.

Mohamad mengetuai delegasi Malaysia ke The Ninth Asia Pacific Economic Cooperation Food Security Ministerial Meeting (The 9th FSMM) di Trujillo, Peru pada 18 Ogos lepas.

KPKM berkata beliau mewakili Malaysia, yang merupakan satu daripada 21 ekonomi APEC di samping Amerika Syarikat, Australia, Brunei Darussalam, Chile, Republik Rakyat China, Filipina, Hong Kong, Republik Indonesia, Jepun, Kanada, Republik Korea, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Rusia, Singapura, Chinese Taipei, Thailand dan Vietnam yang telah hadir ke mesyuarat berkenaan.

Kenyataan itu berkata agenda utama The 9th FSMM meliputi pengukuhan komitmen ekonomi APEC dalam memartabatkan dan meneruskan usaha ke arah kestabilan dan keterjaminan makanan di rantau Asia-Pasifik.

Menurut kenyataan itu Menteri Pertanian dan wakil Menteri daripada ekonomi APEC telah merumus dan mempersetujui dokumen Trujilo Principles for Preventing and Reducing Food Loss and Waste (Trujilo Principles) serta Deklarasi Menteri Pertanian Ekonomi APEC Trujilo berhubung isu keterjaminan makanan.

Dokumen Trujilo Principles memberi panduan kepada 21 ekonomi APEC dalam usaha menyokong pembangunan mampan sistem makanan, dan komitmen memulihara alam sekitar bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG).

Dokumen berkenaan merupakan pelengkap kepada dokumen Food Security Roadmap Towards 2030 yang dibangunkan pada tahun 2021 semasa The 6th FSMM.

“Mohamad telah menyatakan sokongan penuh Malaysia terhadap dokumen Trujilo Principles serta penghargaan kepada semua ekonomi APEC atas usaha kolektif dalam memuktamadkan dokumen tersebut semasa mesyuarat tahun ini,” menurut kenyataan itu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	19

Dua bot nelayan ditahan langgar syarat sah lesen

Kota Bharu: Dua buah bot nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan kerana melanggar syarat sah lesen di perairan negeri itu kelmarin dan awal pagi semalam.

Bot pertama ditahan ketika bersauh pada kedudukan 18.4 batu nautika jam 10.45 pagi kelmarin manakala bot kedua jam 1.30 pagi ini ketika leka mencandat sotong pada kedudukan 28 batu nautika dari muara Tok Bali.

Pengarah Maritim Kelantan Erwan Shah Soahdi berkata, tangkapan itu dilakukan secara berasingan oleh dua bot peronda yang melaksanakan rondaan Op Naga Barat, Op Damai dan Op Tiris.

“Hasil pemeriksaan pada bot pertama mendapati tekong gagal mengemukakan lesen bot berkenaan manakala bot kedua pula di-

dapati melanggar syarat sah lesen kerana melakukan aktiviti mencandat sotong kurang daripada jarak dibenarkan iaitu di kawasan bawah 30 batu nautika dari daratan berhampiran,” katanya.

Menurutnya, bot pertama menggunakan seorang kru warga Thailand berusia 60 tahun manakala bot kedua menggunakan tujuh orang kru termasuk tekong warga Vietnam berusia antara 19 hingga 59 tahun.

Katanya, kesemua kru warga asing itu mempunyai dokumen pengenalan diri dan pas bekerja yang sah.

Erwan Shah berkata, kedua-dua bot berkenaan telah dibawa ke jeti Maritim Kelantan untuk tindakan lanjut mengikut Akta Perikanan 1985 kerana gagal mengemukakan buku lesen dan melanggar syarat sah lesen.

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA PERKENAL SIV GUNA IMBASAN KOD QR

Mudah kenal pasti vesel tempatan

Oleh Mohd
Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

Jabatan Perikanan Malaysia memperkenalkan Sistem Identifikasi Vesel (SIV) menggunakan teknologi imbasan kod QR (Quick Response Code) yang digunakan pada vesel penangkapan ikan laut dalam (Zon C2).

Sistem yang dibangunkan empat tahun lalu itu bagi memberi kemudahan pada jabatan dan pihak berkuasa mendapatkan maklumat seterusnya menentukan ketulenan vesel tempatan.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain berkata, peruntukan RM602,500 digunakan untuk membangunkan sistem berkenaan yang kali pertama diperkenalkan dan diperluaskan hingga kini.

Katanya, beberapa penambahan dari segi ketahanan dan reka bentuk keselamatan dilakukan bagi memastikan ia lebih tahan lasak terhadap perubahan cuaca serta persekitaran marin. Penggunaan skru khas menyebabkan papan kod QR yang pasang pada vesel tidak boleh dicabut atau diubah.

Menurutnya, jabatan mendapat bantuan keipakan Jabatan Bioproses dan Teknologi Kimia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor bagi melakukan ujian ketahanan dan menaik taraf plat kod QR versi 2.0.

"Sebanyak 301 vesel daripada 500 vesel C2 yang beroperasi di Pahang, Kelantan, Terengganu, Perlis Perak, Pulau Pinang, Johor, Kedah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dipasang dengan SIV.

"Pemantauan secara berterusan kini dilakukan jabatan dan agensi penguat kuasa lain melalui aplikasi SIV secara integrasi dengan sistem jabatan sedia ada *Malaysian Fishing Vessel Record (MFVR)* dan e-Lesen yang boleh membantu menentukan ketulenan vesel tempatan yang dilesenkan jabatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perundingan Industri (MPI) Perikanan



ADNAN (kiri) menyampai cenderahati pada Ketua Unit Dokumentasi Parol, Bahagian Parol dan Komuniti, Ibu Pejabat Perikanan Malaysia, Sukur Noordin pada Majlis Perundingan Industri (MPI) Perikanan Tangkapan Laut Dalam (Zon C2) Peringkat Kebangsaan 2024. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

Tangkapan Laut Dalam (Zon C2) peringkat kebangsaan 2024 di sini, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah; Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan Ibu Pejabat Perikanan, Bakri Miswan dan Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar.

Lebih 50 pengusaha vesel laut dalam seluruh negara menyertai program sehari itu.

Adnan berkata, dengan adanya SIV dapat membantu jabatan membantenas perikanan *Illegal, Unreported & Unregulated (IUU)* di negara ini memabatkan kegiatan

"Sebanyak 301 vesel daripada 500 vesel C2 yang beroperasi di Pahang, Kelantan, Terengganu, Perlis Perak, Pulau Pinang, Johor, Kedah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dipasang dengan SIV"

Adnan Hussain

pengklonan vesel tempatan dan ketirisan sumber perikanan ke negara jiran.

Beliau berkata, kejayaan penggunaan SIV dilihat pada kes tangkapan lima vesel tempatan oleh pihak berkuasa Thailand pada 2022, dengan adanya SIV membolehkan jabatan membuat pengesanan dengan mudah empat vesel terbabit merupakan vesel negara ini.

"Kita akan mewajibkan

pemasangan dan pelaksanaan SIV (Kod QR) ke atas semua vesel Zon C2 bermula 2026, seterusnya akan diaplikasikan pemasangan kepada vesel Zon C secara berperingkat.

"Pelaksanaan teknologi inovatif ini diharapkan dapat mempertingkatkan pengurusan sumber perikanan negara melalui pemantauan vesel penangkapan ikan tempatan seluruh negara," katanya

yang berharap vesel laut dalam dapat menjadi mata dan telinga pihak berkuasa dalam memberantas vesel nelayan asing.

Adnan menambah, kini terdapat kira-kira 778 vesel laut dalam termasuk bot peranti pengumpul ikan seluruh negara, hanya 450 sahaja yang aktif menjalankan aktiviti menangkap ikan di 100 hingga 200 batu nautika.

Menurutnya, jabatan kini terus membuka permohonan lesen vesel laut dalam bagi menambahkan lagi sumber perikanan negara yang menyasarkan pengeluaran sebanyak 480 tan pada 2030.

Katanya, perairan negara ini masih lagi banyak dengan sumber perikanan, buktinya apabila perairan negara sentiasa menjadi tumpuan nelayan asing mendapatkan

hasil laut.

Bagi Md Yuserry Md Yusoff, 67, dengan adanya SIV banyak membantu nelayan dalam menentukan vesel yang digunakan memiliki lesen serta semua maklumat yang diperlukan oleh Jabatan Perikanan dan pihak berkuasa seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim (APM).

Katanya, dengan hanya menggunakan telefon bimbit semua maklumat dapat ketahui tanpa sebarang masalah, berbanding sebelum ini nelayan terpaksa membawa bersama dokumen setiap kali turun ke laut.

"Saya memuji usaha serta kejayaan Jabatan Perikanan membangunkan SIV yang pertama kali diperkenalkan, ia amat berguna untuk nelayan laut dalam," katanya yang memiliki dua vesel C2 beroperasi di daerah ini.

Rakannya, Kee Yau Leng, 56, berkata, sebagai individu yang terabit dengan sektor perikanan laut dalam, setiap arahan dikeluarkan Jabatan Perikanan perlu dipatuhi demi kebaikan bersama.

"Untuk kebaikan bersama saya berpendapat penggunaan SIV amat penting, urusan memperbaharui lesen vesel kini lebih mudah apabila hanya perlu scan (imbas) QR yang telah disediakan pada setiap vesel.

"Diperingkat awal ramai nelayan tidak senang dengan adanya SIV, namun selepas mereka faham kegunaan SIV mereka memuji pendekatan diambil Jabatan Perikanan," katanya yang memiliki lima vesel laut dalam di sini dan Perak.



DENGAN adanya SIV dapat membantu jabatan memberantas perikanan IUU di Malaysia memabatkan kegiatan pengklonan vesel tempatan dan ketirisan sumber perikanan ke negara jiran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Lebih 2,000 kg kobis panjang dari Singapura dicemari kumbang *Phyllotreta* spp



*Sebanyak 2,160 kilogram kobis panjang yang dibawa masuk dari Singapura ke negara ini menerusi Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, dikesan dicemari serangga perosak atau kumbang jenis *Phyllotreta* spp. - Gambar ihsan MAQIS*

KOTA ISKANDAR: Sebanyak 2,160 kilogram kobis panjang yang dibawa masuk dari Singapura ke negara ini menerusi Kompleks Sultan Abu Bakar

(KSAB), Gelang Patah, di sini, dikesan dicemari serangga perosak atau kumbang jenis *Phyllotreta* spp.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor, Edie Putra Md Yusof berkata, serangga itu dikenal pasti apabila pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap sebuah lori di KSAB, kelmarin.

Menurut beliau, lori berkenaan didapati membawa pelbagai jenis sayuran termasuk 216 kotak sayur jenis kobis panjang yang bernilai keseluruhan RM6,800.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai penguatkuasa MAQIS terhadap sebuah lori yang membawa pelbagai jenis sayur-sayuran terbabit telah menemukan muatan 2,160 kilogram kobis panjang diimport bersama perosak disyaki dari jenis *Phyllotreta* spp yang masih hidup.

"Konsainan terbabit telah ditolak kemasukannya dan Jabatan MAQIS telah mengarahkan konsainan tersebut dihantar pulang ke negara asal," kata beliau dalam kenyataan yang dikeluarkan, di sini, hari ini.

Tegas Edie Putra, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan perosak, penyakit atau bahan cemar adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 akta yang sama.

Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Pihak MAQIS sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara dan mematuhi

syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan seterusnya memastikan biosekuriti makanan negara sentiasa terkawal," jelas Edie Putra lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Lebih 2 tan kobis panjang dari Singapura dicemari kumbang perosak



MAQIS Johor mendapati bekalan kobis panjang yang masuk dari Singapura mengandungi serangga perosak jenis *Phyllotreta*. Gambar ihsan MAQIS

KOTA ISKANDAR: Sebanyak 2,160 kilogram kobis panjang yang dibawa masuk dari Singapura ke negara ini, dikesan dicemari serangga perosak atau kumbang jenis *Phyllotreta* spp.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor, Edie Putra Md Yusof, berkata perkara itu dikenal pasti apabila

pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap sebuah lori dari Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah, di sini kelmarin.

Beliau berkata, lori berkenaan didapati membawa pelbagai jenis sayuran termasuk 216 kotak sayur jenis kobis panjang yang bernilai keseluruhan RM6,800.

Menurutnya, hasil pemeriksaan yang dijalankan Pegawai Penguatkuasa MAQIS menemukan kobis panjang diimport bersama perosak disyaki dari jenis *Phyllotreta* spp yang masih hidup.

Katanya, konsainan terbabit ditolak kemasukannya dan Jabatan MAQIS mengarahkan kenderaan itu berpatah balik dan bekalan dihantar pulang ke negara asal.

"MAQIS mengarahkan mereka untuk berpatah balik.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan perosak, penyakit atau bahan cemar adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

"MAQIS sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan seterusnya memastikan biosekuriti makanan negara sentiasa terkawal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Maqis tahan kobis mengandungi serangga perosak dari Singapura



Maqis merampas kobis yang dibawa masuk dari Singapura selepas menahan sebuah lori di KSAB, Gelang Patah, Iskandar Puteri, kelmarin.

ISKANDAR PUTERI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan sebuah lori dengan muatan 216 kotak sayur jenis kobis panjang bernilai RM6,800 dari Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah, di sini, kelmarin.

Pengarahnya, Edie Putra Md Yusof berkata, hasil pemeriksaan pegawai penguat kuasa menemukan muatan 2,160 kilogram (kg) kobis panjang diimport bersama-sama perosak jenis *Phyllotreta* spp yang masih hidup.

“Lori yang membawa pelbagai jenis sayur-sayuran terbabit telah diarahkan untuk berpatah balik ke negara asal selepas dikesan mempunyai serangga perosak.

“Konsainan terbabit ditolak kemasukannya dan Jabatan Maqis telah mengarahkan konsainan tersebut dihantar pulang ke negara asal.

“Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan perosak, penyakit atau bahan cemar adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta yang sama,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurut Edie Putra, pihak terlibat boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali, jika disabit kesalahan.

Katanya, Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan.

“Penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi memastikan biosekuriti makanan negara sentiasa terkawal,” ujarnya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	NST	ONLINE	

Beetle-infested cabbage sent back to Singapore [WATCH]



ISKANDAR PUTERI: A shipment of imported cabbage valued at RM6,800, found to be infested with flea beetles was sent back to Singapore on Monday.

The infested vegetables were discovered during routine inspection at the Sultan Abu Bakar Complex in Gelang Patah.

Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) officers halted the lorry carrying 216 boxes of cabbage, totaling about 2,160 kilogrammes

The cabbage was found to be infested with live flea beetles, specifically of the *Phyllotreta* species, which are commonly found on crops such as tobacco leaves.

Maqis Johor director Edie Putra Md Yusof said live flea beetles were discovered during examination of the cabbage.

"The consignment entry was denied, and Maqis instructed that the shipment be returned to its country of origin," he said.

According to Section 14(a) of the Maqis Act 2011, it is illegal to import agricultural products that are contaminated with pests, diseases, or other contaminants.



The flea-infested cabbage consignment forced back to Singapore. Pics courtest of Johor Maqis

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	THE STAR	ONLINE	

Lorry with pest-infested vegetables told to turn back to Singapore



GELANG PATAH: A lorry carrying long cabbages was directed to turn back to Singapore after the vegetables were found to have been infested with pests.

Johor Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) Edie Putra Md Yusof said the lorry was directed to turn back on Monday (Aug 19).

He said the lorry had entered Johor via the Sultan Abu Bakar Complex at the Second Link Crossing in Tanjung Kupang, Gelang Patah from Singapore.

"The long cabbages in 216 boxes worth RM6,800 weighing 2,160kg greens were inspected," he said in a statement.

Edie Putra said life pests known as phyllotreta were found on the inspected vegetables.

He said it was an offence to import agricultural products contaminated with pests, diseases or contaminated with substances.

Eddi Putra said it was an offence under Section 14(a) of the Maqis Act 2011 to import the products.

He said if convicted offenders could face a penalty of not more than RM100,000 or jail not more than six years or both.

Eddie Putra said the department would continue monitoring the country's entry point to safeguard the people's food security.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	STRAITS TIMES.COM	ONLINE	

Lorry with pest-infested vegetables told to turn back to Singapore from Johor



The lorry carrying the vegetables had entered Johor from Singapore via the Sultan Abu Bakar Complex at the Second Link. PHOTO: PEXELS

GELANG PATAH, Johor – A lorry carrying long cabbages was instructed to turn back to Singapore on Aug 19, after the vegetables were found to have been infested with pests.

Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) Johor director Edie Putra Md Yusof said the lorry had entered Johor from Singapore via the Sultan Abu Bakar Complex at the Second Link.

“The long cabbages in 216 boxes worth RM6,800 (S\$2,030) weighing 2,160kg... were inspected,” he said in a statement.

Mr Edie said live pests known as phyllotreta were found on the inspected vegetables.

He said that under Section 14(a) of the Maqis Act 2011, it is an offence to import agricultural products contaminated with pests, diseases or other substances.

He said that if convicted, offenders could face a penalty of not more than RM100,000, or be jailed for not more than six years, or both.

Mr Edie said the department would continue monitoring Malaysia’s entry point to safeguard food security. THE STAR/ASIA NEWS NETWORK

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	THE SUN	ONLINE	

Lorry transporting flea beetle-infested long cabbages into Johor told to turn back to SG



PETALING JAYA: A lorry carrying long cabbages into Johor was told to turn back to neighbouring Singapore after the vegetables were discovered to have been infested with pests.

According to The Star, Johor Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) official Edie Putra Md Yusof said the lorry had entered Johor via the

Sultan Abu Bakar Complex at the Second Link Crossing in Tanjung Kupang, Gelang Patah from Singapore.

“The long cabbages in 216 boxes worth RM6,800 weighing 2,160kg greens were inspected,” he was quoted as saying.

These pests are known as phyllotreta were found on the inspected vegetables and that it was an offence to import agricultural products contaminated with pests, diseases or contaminated with substances.

According to Section 14(a) of the Maqis Act 2011, it is illegal to import agricultural products that are contaminated with pests, diseases, or other contaminants.

If convicted, offenders could face a penalty of not more than RM100,000 or jail not more than six years or both, explained Eddie Putra.

The lorry was then then told to turn back.

The adult beetles feed on leaves by scraping, and by making many small holes thus making the cabbages become unfit for sale and consumption

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2024	SINAR HARIAN	SELANGOR/ JOHOR	24

Lori Singapura bawa sayur rosak diarah berpatah balik

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mengarahkan sebuah lori membawa muatan 216 kotak sayur kubis panjang dari Singapura berpatah balik selepas dikesan dihinggap serangga perosak.

Pengarah Maqis Johor, Edie Putra Md Yusoff berkata, lori terbabit ditahan Pegawai Penguatkuasaan Maqis di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Gelang Patah, pada Isnin, selepas pemeriksaan menemukan serangga perosak dipercayai daripada jenis *Phyllotreta* yang masih hidup.

Justeru katanya, Maqis mengarahkan lori terbabit yang membawa muatan dianggarkan bernilai RM6,800 pulang semula ke negara asal.

"Perbuatan mengimport apa-apa keluaran pertanian dengan perosak, penyakit atau bahan cemar adalah menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Menurut Edie Putra, Maqis sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan bagi menjamin keselamatan setiap produk atau makanan.



Sayur kubis dicemari serangga perosak ditemukan dalam sebuah lori dari Singapura.

Maqis rampas produk sejuk beku dari Korea Selatan

PELABUHAN KLANG - Sebuah kontena membawa muatan pelbagai makanan sejuk beku dari Korea Selatan tanpa permit import sah ditahan di Pelabuhan Barat.

Pengarah Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, produk makanan itu antaranya membabitkan sosej, rumpai laut, aiskrim dan ikan bilis beku bernilai RM10,125.17.

"Semua dagangan cuba dibawa masuk sebuah syarikat tempatan, namun ditahan di pintu masuk Pelabuhan Barat pada Jumaat lalu.

"Pemeriksaan terhadap kontena kira-kira jam 10.30 pagi mendapati dagangan dibawa masuk tidak mempunyai permit sah dikeluarkan Maqis," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Jelasnya, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan diperluaskan di semua pintu masuk bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian yang dibawa masuk ke dalam negara.



ANGGOTA Maqis memeriksa kotak-kotak berisi pelbagai makanan berasaskan haiwan yang ditahan di Pelabuhan Barat, Klang.

Gagal seludup sosej, ham dari Korea

KLANG – Cubaan menyeludup masuk pelbagai makanan berasaskan haiwan dari Korea gagal selepas ditahan di Pelabuhan Barat, baru-baru ini.

Rampasan bernilai RM10,125.17 itu dibuat menerusi sebuah kontena kira-kira pukul 10.30 pagi, Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, kesemua dagangan tersebut cuba dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan tanpa memiliki permit import yang sah.

Katanya, semakan awal mendapati kontena tersebut

telah berlabuh di pelabuhan tersebut sejak 11 Jun lalu.

"Hasil pemeriksaan menemukan pelbagai makanan berasaskan haiwan seperti sosej, ham, seaweed, aiskrim dan ikan bilis beku dipercayai untuk pasaran tempatan.

"Rampasan dianggarkan RM10,125.17 dengan semakan ini merupakan kes pertama dilakukan syarikat tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian," katanya.



ZURAIDAH menunjukkan jagung yang ditanamnya di Kampung Nyatuh, Setiu semalam.

Sewa RM400, tuai hasil RM10,000

SETIU – Walaupun tidak memiliki tanah sendiri, namun ia bukan penghalang buat pasangan suami isteri untuk bergelar usahawan tani sehingga mampu meraih pendapatan sebanyak RM10,000 bagi setiap musim tuaian.

Zuraidah Mohd. Noor, 40, berkahla, 47, menyewa tanah seluas 1.6 hektar milik seorang penduduk pada kadar RM400 setahun untuk menanam tembakai dan jagung.

"Kami menanam tembakai dan jagung secara bergilir-gilir bagi mengelakkan kesuburan tanah.

"Misalnya pada awal tahun ini,

kami menanam tembakai yang dituai sepenuhnya pada Mei lepas sebelum menanam jagung pula," katanya ketika ditemui di kebunnya di Kampung Nyatuh di sini semalam.

Zuraidah memberitahu, sistem penggiliran yang diamalkan mereka bertujuan untuk memjimatkan masa dan kos operasi kerana menggunakan batas dan sistem pengairan sedia ada.

Menurut ibu tiga anak itu, buat masa ini, dia dan suaminya sedang menunggu hasil jagung baka madu dan mutiara yang diusahakan.

Kedua-dua varieti jagung itu

mendapat permintaan tinggi pada harga borong yang boleh mencecah RM1 setongkol.

"Bagi jualan runcit, kami menjual jagung madu dan mutiara pada harga RM10 untuk lapan tongkol," katanya.

Tambah Zuraidah, mereka menganggarkan hasil tuaian jagung pada musim ini boleh mencapai RM10,000. Selain dipasarkan kepada pemborong, pasangan itu turut menjual sendiri tembakai dan jagung di tepi jalan berdekatan rumah mereka.

"Alhamdulillah, inilah sumber rezeki kami sekeluarga sejak lebih 10 tahun lalu," katanya.

Sewa tanah penuhi impian jadi petani

Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH
WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulla.com.my

SETIU: Sepasang suami isteri mengambil inisiatif menyewa tanah terbiar di Kampung Nyatuh, di sini, untuk bercucuk tanam bagi memenuhi impian menjadi petani.

Menurut Zuraidah Mohd. Noor, 40, dia dan suaminya, Azmi Abdullah, 47, mengambil pendekatan itu sejak 10 tahun lalu setelah mereka tidak memiliki tanah sendiri.

"Melihat tanah berkenaan tidak digunakan dan terbiar, saya dan suami memajak tanah seluas 1.6 hektar dengan harga RM100 setahun untuk mengusahakan tanaman tembikai dan jagung."

"Dengan cara ini bukan hanya dapat memanfaatkan tanah dan memberi sumber pendapatan kepada kami," katanya ketika ditemui di Kampung Nyatuh, di sini, semalam.

Beliau memberitahu, dia

mengusahakan tanaman jagung dan tembikai secara bergilir-gilir mengikut musim tanaman itu.

Katanya, pada suku pertama tahun ini, tanah berkenaan ditanam tembikai dan dituai pada bulan April hingga Mei lalu sebelum menanam jagung.

"Hasil jualan buah jagung yang diusahakan itu agak lumayan apabila boleh mencecah RM10,000 bagi satu musim," katanya.

Tambah Zuraidah, dia menanam dua jenis jagung iaitu jagung madu dan mutiara yang mendapat permintaan tinggi di pasaran.

Ujarnya ibu kepada tiga cahaya mata itu, buah jagung berkenaan dijual pada harga RM5 hingga RM10 untuk lapan biji mengikut gred, manakala harga borong serendah RM1 sebiji.

"Sebahagian daripada buah jagung tersebut saya jual kepada pemborong dan dijual sendiri dengan menaja di tepi jalan berdekatan rumah," katanya.



ZURAIDAH Mohd. Noor menunjukkan buah jagung yang dituai di kebunnya di Kampung Nyatuh, Setiu, semalam.
- **UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI**